



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)**  
**SUKU TAHUNAN**  
**SUKU PERTAMA 2022**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT*  
*FIRST QUARTER 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics*  
*Ministry of Finance and Economy*  
*Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN  
SUKU PERTAMA 2022**


**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**TAJUK UTAMA:**

**SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS TERUS MENUNJUKKAN PRESTASI  
YANG MENGALAKKAN PADA SUKU PERTAMA TAHUN INI.**

1. Pada suku pertama (Q1) 2022, Sektor Bukan Minyak & Gas telah mencatatkan peningkatan sebanyak 1.0 peratus, manakala Sektor Minyak dan Gas menurun sebanyak 9.0 peratus. Dengan penurunan Sektor Minyak dan Gas ini telah mengakibatkan pertumbuhan yang negatif kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam pada suku pertama tahun 2022 sebanyak 4.2 peratus berbanding tahun sebelumnya.
2. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa pada Q1 2022 adalah sebanyak BND5.0 bilion berbanding BND4.2 bilion pada Q1 2021. Sektor Minyak & Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) menyumbang sebanyak 51.5 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 48.5 peratus daripada jumlah KDNK.



3. Penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 114.9 ribu tong sehari pada Q1 2021 kepada 101.6 ribu tong sehari pada Q1 2022. Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 32.6 juta meter padu sehari pada Q1 2021 kepada 29.8 juta meter padu sehari pada Q1 2022. Penurunan pada pengeluaran minyak mentah dan gas asli adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti penyelenggaraan dan pemulihan. Selain itu, pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 891,347 MMBtu sehari kepada 732,357 MMBtu sehari pada tempoh yang sama selaras dengan penurunan pengeluaran gas.
4. Namun demikian, Sektor Bukan Minyak & Gas terus menunjukkan perkembangan yang positif dengan peningkatan pada aktiviti hiliran berikutan kenaikan pada pengeluaran produk petroleum termasuk Diesel dan RON92 dan juga pengeluaran baru produk kimia khususnya baja urea.
5. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit terus menunjukkan pertumbuhan, terutamanya didorong oleh peningkatan pada aktiviti borong termasuk barangan peralatan perubatan, makanan dan minuman. Perkembangan yang positif ini juga adalah didorong oleh peningkatan permintaan domestik, yang sebahagiannya adalah disebabkan oleh kelonggaran sekatan domestik dan sempadan.
6. Subsektor Pengangkutan juga meningkat terutamanya disumbangkan oleh peningkatan pada aktiviti Pengangkutan Air dan Pengangkutan Udara. Peningkatan aktiviti Pengangkutan Udara pada Q1 2022 adalah selaras

dengan peningkatan jumlah ketibaan dan pelepasan penumpang udara berikutan keluar masuk dari negara ini telah dibenarkan mengikut garis panduan perjalanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

7. Pengurangan langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 dan kelonggaran sekatan sempadan telah menyebabkan peningkatan aktiviti perjalanan yang seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sektor perhotelan pada Q1 2022.
8. Tambahan lagi, Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan juga terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Pada Q1 2022, sektor ini telah meningkat sebanyak 0.8 peratus disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pengeluaran Perikanan, Pertanian dan Perhutanan. Peningkatan Subsektor Perikanan adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan industri penangkapan ikan khususnya aktiviti nelayan kecil-kecilan. Sementara itu, peningkatan dalam Subsektor Pertanian adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Sementara itu, peningkatan pada pengeluaran kayu balak dan kayu gergaji adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor perhutanan.
9. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan pertumbuhan KDNK pada Q1 2022 adalah terutamanya didorong oleh penurunan Eksport Bersih sebanyak 28.0 peratus tahun ke tahun. Ini diikuti oleh penurunan Perbelanjaan Kapital khususnya pelaburan swasta bagi jentera dan peralatan. Walaubagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah masing-masing sebanyak 3.8 peratus dan 5.5 peratus.

#### **KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap**

	<b>Q1 2021</b>	<b>Q1 2022</b>	<b>% Pertumbuhan</b>
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,155.9	1,199.8	3.8
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,026.4	1,083.3	5.5
Perbelanjaan Kapital	1,189.7	1,141.1	(4.1)
Eksport Bersih	1,158.3	833.9	(28.0)
<b>KDNK</b>	<b>4,786.9</b>	<b>4,586.0</b>	<b>(4.2)</b>

10. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Pertama 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT**  
**FIRST QUARTER 2022**


**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE:**

**THE NON-OIL AND GAS SECTOR CONTINUED TO SHOW AN ENCOURAGING PERFORMANCE IN THE FIRST QUARTER THIS YEAR.**

- 1. In the first quarter (Q1) of 2022, the Non-Oil & Gas Sector recorded an increase of 1.0 percent growth, meanwhile the Oil & Gas Sector decreased by 9.0 percent. The decline of the Oil and Gas Sector has resulted in the negative growth of Brunei Darussalam's Gross Domestic Product (GDP) in Q1 2022 by 4.2 percent compared to the previous year.*
- 2. Brunei Darussalam's GDP at current prices in Q1 2022 was valued at BND5.0 billion compared to BND4.2 billion in Q1 2021. The Oil & Gas Sector, comprising of oil & gas mining and manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG), accounted for 51.5 percent of the total gross value added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 48.5 percent of GDP.*



3. *The decline in the Oil & Gas Sector was due to a decrease in the production of crude oil from 114.9 thousand barrels per day in Q1 2021 to 101.6 thousand barrels per day in Q1 2022. Natural gas production also recorded a decrease from 32.6 million cubic metres per day in Q1 2021 to 29.8 million cubic metres per day in Q1 2022. The reduction in crude oil and natural gas production was due to maintenance and rejuvenation activities. Correspondingly, LNG production declined from 891,347 MMBtu per day to 732,357 MMBtu per day during the same period with decrease gas production.*
4. *However, the Non-Oil & Gas Sector remained positive as downstream activities picked up with increased production of petroleum products including as Diesel and RON92, as well as the new production of chemical product specifically urea fertilizer.*
5. *The Wholesale & Retail Trade subsector continued to show growth, primarily driven by an increase in wholesale activities including medical equipment items, food and beverages. This encouraging performance was supported by an increase in domestic demand, backed in part by the relaxation of domestic and border restrictions.*

6. *The growth in the Transport subsector was primarily driven by the expansion of Water Transport and Air Transport. The rise in Air Transport activities during Q1 2022 was in line with an increase in the number of arrivals and departures of air passengers as entry and exit from the country have been permitted according to the travel guideline issued by the Prime Minister's Office.*
7. *The easing of COVID-19 preventive measures and border restriction has led to an increase in travel activities, hence contributing to the growth of hotel sector in Q1 2022.*
8. *In addition, the Agriculture, Forestry & Fishery Sector has also continued to show encouraging performance. In Q1 2022, this sector has increased by 0.8 percent due to Fishery, Agriculture and Forestry production activities. An increase in the Fishery Subsector was mainly due to the rise in the capture industry for the small-scale fisherman activities. Meanwhile, the rise in the Agriculture Subsector was attributed by the growth in paddy, vegetable, and fruit production. Meanwhile, an increase in the production of round and sawn timber was the most significant contributor to the expansion of the forestry sector.*
9. *By expenditure approach, a decline in GDP growth in Q1 2022 was mainly due to a decrease in the Net Export by 28.0 percent year-on-year. This was followed by a reduction in the Gross Capital Formation, primarily the private investment in machinery and equipment. However, this growth was moderated by an increase in the Government Final Consumption Expenditure and the Household Final Consumption Expenditure by 3.8 percent and 5.5 percent, respectively.*

#### **GDP by Expenditure at Constant Prices**

	<b>Q1 2021</b>	<b>Q1 2022</b>	<b>% Growth</b>
Government Final Consumption Expenditure	1,155.9	1,199.8	3.8
Household Final Consumption Expenditure	1,026.4	1,083.3	5.5
Gross Capital Formation	1,189.7	1,141.1	(4.1)
Net Exports	1,158.3	833.9	(28.0)
<b>GDP</b>	<b>4,786.9</b>	<b>4,586.0</b>	<b>(4.2)</b>



10. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the First Quarter of 2022 is available from DEPS's website: <https://deps.mofe.gov.bn>*